


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ingin mempelawa calon di kalangan Warganegara Malaysia yang dinamik, inovatif dan bercita-cita tinggi untuk bersama-sama merealisasikan wawasan universiti sebagai Peneraju Kebitaraan Pendidikan di Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan di UPSI.

Senarai kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JAWATAN	GRED	TARAF
1.	Pegurusan dan Profesional	SKIM PERKHIDMATAN KHAS UNIVERSITI 41 (TEKNOLOGI MAKLUMAT)	41	Kontrak

PANDUAN PERMOHONAN

- Pemohon perlu mendaftar dan mempunyai akaun dengan *Online Job Application UPSI* (myjobs.upsi.edu.my).
- Untuk permohonan jawatan kali kedua dan seterusnya, pemohon tidak perlu mendaftar semula atau mewujudkan akaun baru, sebaliknya hanya perlu **mengemaskini** profil dan jawatan yang dipohon dalam akaun sedia ada.
- Permohonan secara atas talian perlu diisi dengan lengkap kerana permohonan akan diproses menggunakan permohonan atas talian ini. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan tidak akan diproses.
- Selain daripada memenuhi syarat sepertimana yang ditetapkan dalam skim berkenaan, calon mestilah juga memenuhi syarat tambahan iaitu:
 - bersih dan bebas dari sebarang tindakan tatatertib/perundangan;
 - telah melengkapkan pengambilan **vaksinasi Covid-19** (sekurang-kurangnya 2 dos)
- Pemohon perlu menyemak dari semasa ke semasa di bahagian Berita/Maklumat Terkini di myjobs.upsi.edu.my untuk mengetahui status terkini permohonan. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pemohon mendakwa tidak mengetahui mengenai status permohonannya disebabkan pemohon tidak menyemak status permohonan secara atas talian di ruangan tersebut.
- Pemohon diminta mengisi alamat emel yang aktif. Permohonan secara atas talian ini akan menggunakan emel sebagai salah satu medium komunikasi antara pihak UPSI dan pemohon. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pihak pemohon tidak menerima makluman yang dihantar secara emel kepada pemohon yang disebabkan oleh pemohon tidak mengakses emelnya.
- Pemohon tidak boleh dikalangan pelajar yang sedang mengikuti program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda serta Master dan PhD (Pengajian Sepenuh Masa). Bagi pemohon yang telah habis belajar tetapi belum bergraduat, sila kemukakan salinan surat tamat pengajian.**
- Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.**
- Setiap permohonan jawatan dikenakan RM 10.00 bagi satu (1) jawatan.
- Calon perlu memastikan maklumat didalam Myjobs adalah lengkap bagi memastikan permohonan dapat diproses selanjutnya.**
- Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari UPSI dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.
- Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perjawatan, BSM

 05 – 450 6328 / 6338 / 6399

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

Tarikh tutup permohonan jawatan yang diiklankan adalah pada **19 JANUARI 2024**

1. SKIM PERKHIDMATAN KHAS UNIVERSITI GRED 41 (TEKNOLOGI MAKLUMAT)

1. (a) Jawatan : **Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 41
(Teknologi Maklumat)**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat
2. Emolumen / Gaji :

Gred	Honorarium
41	RM2,500.00
3. Had Umur : Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan maksimum berumur 54 tahun.
4. Syarat Lantikan Wajib :
 - Warganegara Malaysia
 - Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
5. Syarat Kelayakan Akademik : Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer
6. Taraf Jawatan : Kontrak
7. Tempoh Lantikan : Satu (1) Tahun
8. Keutamaan : Keutamaan lantikan kepada calon yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang Teknologi Maklumat
9. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.